

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

PERKASA WARGA AKADEMIK UITM CNS: BENGKEL PENULISAN KERTAS CADANGAN FRGS 2025 GUGUSAN SAINS SOSIAL

¹Norliza Dzakaria, ¹Siti Syaida Sirat, ²Alice Shanti, ³Mohd Firdauz Mohd Fathir

¹Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

²Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

³Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Dalam usaha memperkukuh budaya penyelidikan dan meningkatkan keberkesanan permohonan geran penyelidikan, Bahagian Penyelidikan di bawah Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan FRGS 2025 khusus bagi Gugusan Sains Sosial.

Bengkel yang diadakan pada 29 November 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Klana Petra, Kampus Seremban ini membawa pendekatan yang lebih mendalam dan praktikal, dengan penampilan istimewa **Prof. Ts. Dr. Shafinar Ismail** daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Kampus Bandaraya Melaka sebagai penceramah jemputan.

Sepanjang bengkel yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang itu, para peserta berpeluang mendalami strategi dan pendekatan penulisan kertas cadangan FRGS yang berkesan melalui perkongsian pengalaman dan ilmu secara langsung daripada pakar. Antara fokus utama adalah pemahaman terhadap tatacara serta prosedur permohonan semasa, selain teknik penulisan yang mampu menyerlahkan potensi penyelidikan secara lebih meyakinkan.



Gambar 1: Bengkel Pemantapan Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan FRGS 2025

Seramai 10 orang pensyarah dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menyertai bengkel ini. Keunikan program ini terletak pada suasana interaktifnya, di mana peserta bukan sahaja menerima input teori, malah diberi peluang untuk membentang, berbincang dan menambah baik draf kertas cadangan masing-masing dengan panduan terus daripada penceramah.

Melalui penganjuran bengkel seumpama ini, pihak PJIM&A yakin bahawa para penyelidik, khususnya dalam bidang Sains Sosial, akan lebih bersedia dan berdaya saing dalam menghasilkan cadangan penyelidikan berkualiti, seterusnya meningkatkan kebarangkalian kejayaan permohonan geran FRGS 2025.



Gambar 2: Poster hebahan bagi bengkel Pemantapan Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan FRGS 2025



Gambar 3: Penceramah sedang meneliti kertas cadangan penyelidikan FRGS 2025.